

Kelampayang batik: Tanaman hiasan berfungsi untuk landskap

(*Kelampayang batik*: Functional ornamental plant for landscape)

Masnira Mohammad Yusoff, Mohd Yusmizan Ab. Manan, Hanim Ahmad, Zulhazmi Sayuti dan Hamdan Mohd Noor

Pengenalan

Tanaman hiasan dalaman merupakan salah satu elemen dekorasi ruang dalaman seperti rumah, pejabat, hotel, restoran dan lain-lain lagi. Tanaman ini memberikan persekitaran yang sihat dan secara tidak langsung memberi impak yang baik kepada kesihatan penghuninya. Melalui pelaporan masa kini, 'sindrom bangunan sakit' boleh terjadi disebabkan adanya persekitaran di dalam bangunan yang terlalu lama tercemar atau ruang kurang pengudaraan yang boleh menyebabkan seseorang itu berasa pening, loya, mata berair dan mengganggu saluran pernafasan. Adanya tanaman di dalam ruangan sebagai elemen dekorasi secara langsung dapat mengurangkan masalah tersebut.

Terdapat banyak pilihan tanaman hiasan dalaman di Malaysia dan mempunyai fungsian menjadi elemen dekorasi, terapi dan menyerap gas toksik seperti kajian yang telah dijalankan oleh pihak pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan Amerika (NASA). Antaranya ialah pakis Boston, *snake plant*, drasina, pokok lili Paris, *English ivy*, *umbrella plant*, *aloe vera*, *spider plant*, pokok pinang dan *money plant*. Namun begitu, masih banyak lagi tumbuhan hiasan natif yang masih belum diterokai terutamanya daripada hutan semula jadi di Malaysia. Kajian yang telah dijalankan di MARDI, Serdang dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 – 2019) menunjukkan banyak spesies natif yang boleh diketengahkan sebagai tanaman hiasan dalaman bangunan. Antara spesies yang telah dikenal pasti dan berpotensi untuk dikomersialkan ialah *Peperomia argyreia*, *Peperomia puteolata*, *Schismatoglottis calyptrata*, *Scindapsus pictus*, *Piper porphyrophyllum*, *Eugenia* sp., *Ledebouria socialis*, *Tradescantia palida*, *Lebouria petiolata* dan *Alocasia reginula*. Satu kajian penilaian dan pembiakan pokok *Scindapsus pictus* atau nama tempatannya kelampayang batik sebagai tanaman hiasan berfungsi untuk tujuan pengeluaran secara komersial telah dijalankan.

Botani

Secara terperinci, tata nama kelampayang batik (*Scindapsus pictus*) adalah seperti yang berikut:

Kingdom	Plantae
Clade	Tracheophytes
Clade	Angiosperms
Calde	Monocots
Order	Alismatales
Famili	Aracea
Genus	<i>Scindapsus</i>
Spesies	<i>S. pictus</i>

Kelampayang batik merupakan tumbuhan natif yang berasal dari hutan di Semenanjung Malaysia (*Gambar 1*). Tumbuhan natif negara ini juga boleh dijumpai di Bangladesh, Thailand, Borneo, Jawa, Sumatera, Sulawesi dan Filipina.

Morfologi

Secara semula jadi, kelampayang batik mempunyai habitat pertumbuhan di hutan dan bersifat memanjat, menjalar dan biasanya melekap pada batang pokok. Secara morfologi, kelampayang batik dewasa mempunyai daun berwarna hijau tua manakala tumbuhan yang masih muda berwarna hijau muda. Daunnya kelihatan unik, berbentuk hati dengan dihiasi tompokan berwarna keperakan. Tumbuhan natif ini mempunyai daun bersaiz agak besar mencapai 7 – 14 cm panjang dan 7 – 8 cm lebar. Petiolnya agak panjang iaitu 8 – 10 cm manakala nodnya bersaiz 2 – 7 cm panjang. Kelampayang batik yang telah didomestikasikan sebagai tanaman hiasan mempunyai sifat pertumbuhan yang suka memanjat, menjalar, tumbuh merimbun dan melampai.



Gambar 1. Kelampayang batik (Scindapsus pictus)

Kegunaan

Sifat pertumbuhan semula jadi dan ciri tumbuhan yang unik menjadikan kelampayang batik sesuai dijadikan sebagai tanaman pasuan dan gantung untuk tujuan dekorasi landskap dalaman mahupun landskap luar bangunan. Malahan ramai yang tidak mengetahui bahawa kelampayang batik mempunyai sifat istimewanya iaitu menyerap gas toksik jika diletakkan di dalam bangunan. Kajian domestikasi dan aplikasi yang telah dijalankan oleh MARDI menunjukkan bahawa tumbuhan kelampayang batik mampu hidup subur dalam persekitaran dalaman dan mempunyai fungsi untuk menyerap gas toksik seperti benzena dan formaldehid. Ia sangat disyorkan untuk diletakkan di dalam setiap ruangan tertutup seperti bilik pejabat (*Gambar 2*), tandas, bilik mesyuarat, dewan, bilik tidur, ruang tamu dan sebagainya. Selain itu, kelampayang batik juga sangat sesuai dijadikan tanaman hiasan pasuan gantung di halaman atau balkoni rumah kerana sifatnya yang menjalar. Ia bukan sahaja memberikan impak positif kepada mata yang penat memandang komputer, malah memberikan impak kesihatan kepada tubuh badan tanpa kita sedari. Selain itu, tumbuhan natif ini mempunyai jangka hayat yang panjang iaitu melebihi lima bulan sebagai tanaman pasuan di dalam bangunan. Oleh itu, aktiviti penanaman dan penggantian tumbuhan dapat dikurangkan sekiranya ia dijadikan sebagai elemen hiasan dalaman.

Pembiakan dan penanaman

Kelampayang batik merupakan sejenis tumbuhan natif yang senang dibiak. Tumbuhan natif ini mudah dibiak dengan menggunakan keratan batang berdaun (*single node leafy*) (*Gambar 3*). Setiap bahagian tumbuhan seperti pucuk, tengah ataupun berdekatan akar boleh dikerat dan dibiakkan.



Gambar 2. Kelampayang batik sebagai tanaman hiasan pasuan di meja pejabat



Gambar 3. Bahan tanaman kelampayang batik

Penyediaan keratan seeloknya dilakukan pada waktu pagi bagi menjamin ketegaran yang maksimum. Keratan hendaklah diambil daripada pokok yang subur dan berumur melebihi tiga bulan. Kapanjangan keratan adalah dalam lingkungan 3 – 4 cm dan mempunyai sekurang-kurangnya sehelai daun. Keratan dengan menggunakan batang tanpa daun juga boleh digunakan, tetapi mengambil masa yang agak lama sehingga empat minggu untuk berakar dan mengeluarkan pucuk baharu. Kebiasaannya, bahagian keratan perlu disemai di dalam medium campuran perlit dan vermikulat (1:1) dan diletakkan di nurseri yang mempunyai teduhan sebanyak 50% selama 2 – 3 minggu sehingga keratan berakar. Pada peringkat nurseri, keratan hendaklah disiram dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang. Biasanya, akar akan muncul pada bahagian nod batang. Setelah berakar, ia boleh terus dipindahkan ke dalam pasu penanaman. Pucuk baharu juga akan muncul seiring dengan pengakaran. Medium pertumbuhan yang sesuai untuk kelampayang batik adalah campuran medium *peatmoss*, perlit dan vermikulat (2:1:1). Pokok akan kelihatan cantik dan rimbun setelah berumur 2 – 3 bulan di dalam pasu penanaman.

Penjagaan tanaman

Pembajaan

Tanaman di dalam pasuan perlu dibaja untuk pertumbuhan yang subur dan menarik. Pembajaan hendaklah dilakukan dua minggu sekali iaitu menggunakan baja sebatian NPK hijau (15:15:15) pada kadar 15 g/pokok. Selain menggunakan baja sebatian kimia, pokok kelampayang batik juga boleh dibaja dengan menggunakan baja organik seperti tinja ayam proses untuk menyuburkan lagi tanaman. Pembajaan organik boleh dilakukan sebulan sekali dan diselang selikan dengan pembajaan kimia. Selepas pembajaan, pokok perlu disiram secukupnya.

Penyiraman dan pangkasan

Kelampayang batik merupakan tumbuhan yang senang dijaga dan kurang penyelenggaraan. Sekiranya dijadikan tanaman pasuan dan diletakkan di dalam bangunan, tumbuhan tidak perlu kerap disiram. Penyiraman disyorkan dilakukan tiga hari sekali. Siraman yang berlebihan akan menyebabkan daun menjadi kuning dan lembik. Namun, sekiranya tumbuhan diletak di luar bangunan, penyiraman perlu dilakukan sekali sehari kerana ia cepat kering. Selain itu, dedaun yang kering perlu dipangkas untuk mengekalkan kecantikannya.

Pengurusan perosak dan penyakit

Secara amnya, kelampayang batik tidak mempunyai serangan perosak dan penyakit yang serius. Sebagai langkah untuk melindungi tanaman daripada serangan penyakit dan perosak, pokok hendaklah sentiasa diperiksa. Jika terdapat

serangan serangga dan perosak, langkah pengawalan dengan menggunakan racun serangga organik seperti campuran bawang putih, serai, neem dan lain-lain adalah disyorkan.

Kesimpulan

Kelampayang batik merupakan tanaman hiasan dedaun yang bukan sahaja cantik dipandang, malah mudah dijaga. Tanaman ini senang dibiak dan memerlukan penyelenggaraan yang minimum sebagai tanaman hiasan di dalam bangunan. Kebolehan tanaman kelampayang batik menyerap gas toksik menjadikan ia pilihan terbaik sebagai tanaman hiasan untuk tujuan dekorasi di dalam bangunan.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai bawah projek Pembangunan RMK-11 (2016 – 2020), subprojek bertajuk 'Pengadaptasian dan kefungsiian spesies natif dan eksotik sebagai tanaman hiasan' bawah projek utama 'Pembangunan tanaman florikultur natif dan eksotik untuk pasaran global'. Pengarang mengucapkan terima kasih kepada Pengarah, Pusat Penyelidikan Hortikultur kerana minat dan dorongan yang sangat bernilai dalam penyelidikan yang dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat kumpulan penyelidik dan ahli-ahli kumpulan kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Bibliografi

- Hanim, A., Ab Kahar, S. dan Nazera, A. (2014). Helenium – Tumbuhan berbunga cantik untuk hiasan taman. *Buletin Teknologi MARDI* Bil. 5: 39 – 43
- Masnira, M.Y. (2019). Kelampayang batik, cantik dipandang senang dijaga. *Agromedia* Bil. 48
- Masnira, M.Y., Mohad Hoszaini, R., Mohd Yusmizan, A.M., Zulhazmi, S. dan Hanim, A. (2019). A propagation technique of *Scindapsus pictus* and *Piper porphyropyllyum* as a new native functional plant for indoor landscape. *Transaction Malaysian Soc. Plant. Physiol* Vol. 26
- Rukayah, A. (1995). *Tanaman hiasan ruangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ringkasan

Pokok hiasan dalaman semakin diminati oleh pengguna masa kini. Ia bukan sahaja memberi impak positif dari segi keceriaan bilik, ia juga boleh berfungsi untuk menyerap gas toksik dalam persekitaran dalaman. Antara pokok yang mempunyai sifat tersebut ialah kelampayang batik (*Scindapsus pictus*). Ia merupakan pokok natif tempatan yang hidup subur dalam hutan di Malaysia. Kini pokok kelampayang batik diadaptasi untuk hidup subur dalam persekitaran di dalam bangunan. Pokok ini sangat mudah dibiakkan, mempunyai struktur pokok yang cantik dan memerlukan penyelenggaraan yang sangat minimum. Ia juga boleh bertahan sehingga lima bulan dalam persekitaran dalaman. Ciri-ciri tersebut menjadikan pokok ini amat sesuai untuk pengguna yang berkerjaya dan sibuk.

Summary

Indoor plants are gaining popularity among today's consumers. Indoor plants not only give a positive impact on enlivening the room but also to absorb the toxic gases present in an indoor environment. Among the plants that have this cleansing, the characteristic is *kelampayang batik* (*Scindapsus pictus*). It is a native plant found living vigorously in the forests of Malaysia. Presently, *kelampayang batik* has been adapted to survive in the indoor environment. The plant is easy to propagate and has nice plant canopy architecture and requires minimal care and maintenance. It can last up to five months with little care in the indoor environment. These features make this decorative plant ideal for the busy house owners and office staff.

Pengarang

Masnira Mohammad Yusoff
Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor
E-mel: mmyusof@mardi.gov.my

Mohd Yusmizan Ab Manan, Zulhazmi Sayuti (Dr.) dan Hamdan Mohd Noor
Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

Hanim Ahmad (Dr.)
Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor